

## **PERLEMBAGAAN BAGI**

### **PERTUBUHAN INDUK**

#### **PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU-GURU, MA'AHAD AS-SULTAN AHMAD SHAH AD-DINI**

#### **FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

#### **PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU-GURU, MA'AHAD AS-SULTAN AHMAD SHAH AD-DINI**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama : **(a)**Perkataan 'IbuBapa' bermakna ibu dan bapa atau penjaga yang sah kepada pelajar yang belajar di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini. **(b)**Perkataan 'Guru-Guru' bermakna guru-guru yang mengajar di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini. **(c)** Perkataan ' Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini ' bermakna nama sekolah.

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

#### **FASAL 2 TEMPAT URUSAN**

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**MA'AHAD AS-SULTAN AHMAD SHAH AD-DINI  
26400 BANDAR TUN ABDUL RAZAK JENGKA  
PAHANG**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**MA'AHAD AS-SULTAN AHMAD SHAH AD-DINI  
26400 BANDAR TUN ABDUL RAZAK JENGKA  
PAHANG**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

#### **FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT**

(a) Untuk menjaga dan memperbaiki kebajikan pelajar-pelajar sekolah,

- (b) Untuk mengukuhkan perhubungan antara sekolah dan ibubapa atau penjaga,
- (c) Untuk melahirkan hubungan yang baik antara Persatuan ini dengan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP),
- (d) Untuk memberi peluang kepada ibubapa bagi membantu sekolah khususnya dalam mempertingkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar, dan
- (e) Menerima sumbangan dan memungut wang bagi mentadbir urus kewangan PIBG untuk mencapai matlamat di atas.

#### **FASAL 4 KEAHLIAN**

- (i) Syarat-syarat untuk menganggotai Persatuan adalah seperti berikut ;
  - (a) Beragama Islam,
  - (b) Ibubapa atau penjaga kepada pelajar yang belajar di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini,
  - (c) Pengetua, guru-guru dan kakitangan pentadbiran yang berkhidmat di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini,
  - (d) Warganegara Malaysia, dan
  - (e) Tiada dalam senarai orang yang dikehendaki oleh pihak keselamatan.
- (ii) Tiap-tiap permohonan untuk menganggotai hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang dan dihantar dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya,
- (iii) Tiap-tiap permohonan yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar yuran pendaftaran dan yuran tahunan seperti yang tertentu diterima menganggotai Persatuan dan berhaklah ia sebagai ahli,

#### **FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

- (i) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan yang bertulis 2 (dua ) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya,
- (ii) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dalam cara yang akan mencemarkan nama baik Persatuan, bolehlah dipecat atau digantung keahliannya dalam suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung meminda atau membatalkan keputusan itu atau rayuan ahli tersebut.

#### **FASAL 6 SUMBER KEWANGAN**

(i) Yuran pendaftaran dan yuran yang perlu dibayar adalah seperti berikut ;

(a) Yuran Pendaftaran : RM 2.00 (Ringgit Malaysia Dua)

(b) Yuran Tahunan : RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh)

(ii) Yuran Tahunan hendaklah dibayar kepada Bendahari terlebih dahulu di dalam masa satu bulan dari awal tiap-tiap tahun.

(iii) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada 2 (dua) tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga huangnya telah dibayar.

(iv) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih dari jumlah yuran bagi 3 (tiga) tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Persatuan, dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu.

(v) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran Pendaftaran semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang.

(vi) Yuran-yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut di dalam masa yang telah ditetapkan maka wang itu dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

## **FASAL 7 MESYUARAT AGUNG**

(i) Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurangnya 1/2 daripada jumlah ahli-ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli-ahli Jawatankuasa, ikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat.

(ii) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak melebihi 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa, dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.

(iii) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhir tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 30 April pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah;

(a) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Persatuan di dalam tahun yang lalu,

(b) Menerima laporan Bendahari dan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit bagi

tahun yang lalu,

(c) Memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-Kira untuk 2 (dua) tahun yang akan datang, dan

(d) Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

(iv) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, suatu pengumuman mesyuarat yang menerangkan tarikh, waktu, dan tempat serta satu agenda (acara mesyuarat) termasuk salinan-salinan peringatan mesyuarat dan laporan-laporan beserta dengan penyyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat berdaftar atau tempat mesyuarat Persatuan.

(v) Mesyuarat Agung Khas bagi Persatuan ini boleh diadakan;

(a) Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, dan

(b) Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang daripada 1/5 daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya.

(vi) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh 1(satu) bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

(vii) Pengumuman dan agenda untuk mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

(viii) Fasal 7(i) dan 7(ii) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 (enam) bulan daripada tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

## **FASAL 8 JAWATANKUASA**

(i) Satu Jawatankuasa seperti yang berikut yang dinamakan Pegawai-Pegawai Persatuan hendaklah dipilih 2 (dua) tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan;

(a) Seorang Yang Dipertua (dipilih)

(b) Seorang Naib Yang Dipertua (dipilih)

(c) Seorang Setiausaha (dipilih)

(d) Seorang Penolong Setiausaha (dipilih)

(e) Seorang Bendahari (dipilih)

(f) 4 (empat) orang AJK dikalangan ibubapa (dipilih)

(g) 4 (empat) orang dikalangan guru (dilantik dalam Mesyuarat Jawatankuasa)

(ii) Pemegang-pemegang jawatan Persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas dalam Persatuan ini hendaklah Warganegara Malaysia dan tidak muflis.

(iii) Nama jawatan-jawatan yang di atas hendaklah dicadang dan disokong dan pemilihan hendaklah dijalankan dengan cara undi oleh ahli-ahli 2 (dua) tahun di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dipilih semula setelah tamat tempoh.

(iv) Tugas Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung.

(v) Jawatankuasa tidak boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa taat kepada keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatan-kegiatannya di dalam tahun lalu tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.

(vi) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 (empat) kali setahun. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli 7 (tujuh) hari terlebih dahulu. Yang Dipertua dengan bersendirian, atau tidak kurang daripada 4 (empat) orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya 1/2 mengesahkan perjalanan dan mencukupi korum mesyuarat.

(vii) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan Mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan ulasan daripada ahli-ahli Jawatankuasa dengan Surat Pekeliling/E-mail/Media Sosial.

(viii) Syarat-syarat yang berikutan hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima,

(a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam Surat Pekeliling/E-mail/Media Sosial yang dihantar kepada tiap-tiap Jawatankuasa,

(b) Sekurang-kurangnya 1/2 daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu, dan

(c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.

Sebarang keputusan yang didapati melalui Surat pekeliling/E-mail/Media Sosial hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

(ix) Ahli Jawatankuasa yang tidak menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa 3 (tiga) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletak jawatan di dalam Jawatankuasa dan Yang Dipertua berhak melantik pengganti yang D=ditikirkan sesuai.

(x) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletak jawatan, penyandang jawatan kedua dipilih untuk memenuhi kekosongan itu sehingga

Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.

(xi) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan lain-lain pegawai untuk menjalankan urusan-urusan Persatuan, dan melantik pengurus-pengurus dan kakitangan-kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan merosakkan Persatuan.

(xii) Jawatankuasa ini boleh menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan-kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

(xiii) Jawatankuasa boleh melantik 3 (tiga) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Tambahan dikalangan berikut bagi membantu pentadbiran PIBG;

(a) Guru Penolong Kanan Pentadbiran,

(b) Guru Penolong Kanan Hal Ehwal pelajar, dan

(c) Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum.

## **FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI**

(i) Yang Dipertua, dalam masa jawatannya hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua Mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan-peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Beliau hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.

(ii) Naib Yang Dipertua, hendaklah memangku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaanya.

(iii) Setiausaha, hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran Persatuan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah-perintah Mesyuarat-Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab menguruskan hal surat-menyurat dan semua dokumen kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan Buku Daftar Ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama penuh, umur, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nombor telefon dan alamat tiap-tiap ahli. Beliau hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Beliau hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan bendahari. Setiausaha hendaklah di dalam masa 28 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1966.

(iv) Penolong Setiausaha, hendaklah membantu Setiausaha menjalankan tugas dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

(v) Bendahari, adalah bertanggungjawab terhadap semua hal kewangan Persatuan dan memastikan semua urusan berkaitan kewangan betul dan tepat. Beliau hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama Yang Dipertua dan Setiausaha.

(vi) Ahli-Ahli Jawatankuasa yang lain hendaklah membantu semua kerja yang bersangkutan dengan Persatuan sebagaimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

## FASAL 10 **KEWANGAN**

(i) Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan.

(ii) Bendahari boleh menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) pada suatu masa. Wang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

(iii) Semua cek atau penyata pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari. Semasa ketiadaan Yang Dipertua, Setiausaha atau Bendahari, maka boleh Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani semua cek penyata pengeluaran wang Persatuan.

(iv) Perbelanjaan yang kurang dari RM1000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) bagi suatu masa boleh diluluskan oleh Yang Dipertua dengan bersendirian.

(v) Perbelanjaan melebihi RM1000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu) bagi suatu masa tidak boleh dibayar tanpa kelulusan Jawatankuasa.

(vi) Penyata kewangan setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira mengikut Fasal 11 dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata Kira-Kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan dan penyata kewangan tersebut hendaklah diedarkan untuk makluman ahli di alamat berdaftar atau tempat mesyuarat bagi persatuan.

(vii) Tahun kewangan Persatuan ini bermula 1 Januari dan berakhir 31 Disember tiap-tiap tahun.

## FASAL 11 **JURUAUDIT**

(i) 2 orang yang bukan pegawai-pegawai Persatuan boleh dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-Kira. Pemilihan Pemeriksa Kira-Kira terdiri seorang di kalangan ibubapa atau penjaga dan seorang di kalangan guru. Mereka akan memegang selama 2 tahun dan boleh dipilih semula.

(ii) Pemeriksa Kira-Kira dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung. Mereka harus pada bila-bila masa memeriksa kira-kira Persatuan apabila diarahkan oleh Yang Diperuta dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

## **FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH**

(i) 3 orang Pengamanah yang berumur lebih 21 tahun hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan. Pemilihan Pengamanah 2 orang di kalangan ibubapa atau penjaga dan seorang di kalangan guru. Kepada mereka yang diamanahkan semua harta tetap kepunyaan Persatuan dengan menandatangani suatu Surat Amanah.

(ii) Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Persatuan.

(iii) Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain sebab yang menyebabkan dia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembunuhan bagi seorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipindahkan kepada Pengamanah yang baharu di dalam Mesyuarat Agung.

## **FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN**

(i) Di antara Mesyuarat-Mesyuarat Agung, Jawatankuasa bolehlah memberikan tafsiran kepada undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.

(ii) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan unsur yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh Mesyuarat Agung.

## **FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG**

(i) Penasihat dilantik atas jawatannya sebagai Pengetua Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini.

(ii) Jawatankuasa boleh melantik jika difikirkan perlu mana-mana mereka yang di bawah ini untuk menjadi Penaung kepada Persatuan dengan persetujuan mereka;

(a) YB. EXCO Agama Kerajaan Begeri Pahang,

(b) YB. Ahli Parlimen Kuala Krau, atau

(c) YB. Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Jengka.

## **FASAL 15 LARANGAN**



(i) Persatuan tidak boleh membuat sebarang kenyataan media yang boleh menjatuhkan imej Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini.

(ii) Segala bentuk perjudian dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib tidak boleh dimasukkan di dalam Persatuan.

(iii) Persatuan dan ahli-ahlinya tidak boleh mencuba, menghalang atau dengan apa cara jua mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja 1959.

(iv) Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikahaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Persatuan atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan.

(v) Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 tidaklah boleh diberi oleh Persatuan kepada mana-mana ahli Persatuan.

## **FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN**

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung dan boleh dikuatkuasakan bermula dari tarikh perubahan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan

## **FASAL 17 PEMBUBARAN**

(i) Persatuan ini boleh dibubarkan dengan sukarela dengan persetujuan tidak kurang tiga per lima (3/5) jumlah semua ahli yang berhak mengundi di dalam satu Mesyuarat Agung yang diadakan khas untuk tujuan pembubaran.

(ii) Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara tersebut di atas maka segala hutang tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diuruskan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung.

(iii) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran.

## **FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera
- 
- Keterangan
-

## 2. Lambang



Keterangan

(i) Huruf 'P' bermakna Persatuan.

(ii) Huruf 'I' bermakna ibu atau penjaga kepada pelajar yang belajar di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini.

(iii) Huruf 'B' bermakna bapa atau penjaga kepada pelajar yang belajar di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini.

(iv) Huruf 'G' bermakna guru-guru yang mengajar di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini.

## 3. Lencana

-

Keterangan

-